

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2025
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA : 9
SURAT

Rakyat Malaysia semakin celik digital

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

Rakyat Malaysia semakin celik digital

Transaksi e-money
lonjak 70 peratus
tahun ke tahun
kepada RM21.5 bilion

KUALA LUMPUR

Seiring dengan pertumbuhan sektor perdagangan, transaksi pembayaran digital di Malaysia mencatatkan peningkatan tahunan yang kukuh pada Mei 2025.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, secara keseluruhan perkembangan ini mencerminkan perluasan berterusan saluran pembayaran digital selaras dengan perubahan corak perbelanjaan pengguna dan kemajuan digitalisasi dalam infrastruktur pembayaran di Malaysia.

"Transaksi wang elektronik (e-money) melonjak sebanyak 70.2 peratus tahun ke tahun kepada RM21.5 bilion mencerminkan penerimaan yang semakin meluas terhadap pembayaran digital.

"Transaksi melalui platform pembayaran runcit masa nyata (RPP) berjumlah RM289.4 bilion menggambarkan permintaan yang semakin meningkat terhadap penyelesaian pembayaran secara serta-merta manakala transaksi melalui pertukaran proses kewangan (FPX) berkembang 21.1 peratus kepada RM39.2 bi-

lion didorong oleh peningkatan aktiviti perbankan dalam talian," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mohd Uzir berkata, transaksi kad kredit kekal stabil pada RM18.7 bilion manakala transaksi kad debit mencatatkan pertumbuhan lapan peratus kepada RM14.1 bilion.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan perdagangan borong dan runcit Malaysia mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM154.3 bilion pada Mei 2025 mencerminkan pertumbuhan 4.4 peratus tahun ke tahun (y-o-y).

"Pertumbuhan itu disokong terutama oleh prestasi subsektor perdagangan runcit dan borong.

"Subsektor perdagangan runcit pula mencatatkan jumlah jualan RM67.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM3.1 bilion atau 4.9 peratus tahun ke tahun.

"Subsektor perdagangan borong mencatatkan RM68.2 bilion, meningkat RM3.1 bilion atau 4.7 peratus tahun ke tahun, mencerminkan aktiviti perniagaan yang stabil di seluruh rantaian bekalan," jelasnya.

Menurut beliau, jualan runcit dalam talian pada Mei mencatatkan peningkatan dengan indeks naik 2.2 peratus tahun ke tahun.

"Bagaimanapun, selepas pelarasan bermusim, indeks merekodkan penurunan -3.4 peratus bulan ke bulan," kata beliau.

Dari segi indeks volum beliau berkata, perdagangan borong dan runcit mencatatkan kenaikan 4.1 peratus tahun ke tahun dipacu oleh subsektor perdagangan borong yang meningkat 5.8 peratus, diikuti oleh perdagangan runcit dengan peningkatan sebanyak 3.7 peratus.

MOHD UZIR



